



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

---

### **PEKELILING BILANGAN 2 TAHUN 2011**

---

#### **PENERBITAN SYER BONUS DARIPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI DI BAWAH PERENGGAN 57(1B)(b) AKTA KOPERASI 1993**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan di bawah perenggan 86B Akta Koperasi 1993 untuk menetapkan terma dan syarat bagi menerbitkan syer bonus kepada anggota koperasi daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) serta perlakuan perakaunan berkenaannya.

#### **TAFSIRAN**

2. "Syer Bonus" bermaksud syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;
3. "Kumpulan Wang Rizab Statutori" mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993.

## **PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

4. Di bawah perenggan 57(1B)(b) Akta Koperasi 1993, KWRS boleh digunakan-

- (b) **dengan kelulusan Suruhanjaya dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, bagi menerbitkan syer bonus kepada anggota koperasi itu.**

## **TERMA DAN SYARAT UNTUK PEMBAYARAN SYER BONUS**

5. Bagi membolehkan koperasi menggunakan KWRS untuk menerbitkan syer bonus kepada anggotanya, koperasi perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya dan dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) KWRS hendaklah melebihi 75% daripada jumlah modal syer dan yuran pada tarikh permohonan (akaun teraudit yang terkini);
- (b) Koperasi hendaklah memastikan 100% KWRSnya adalah dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah sepertimana kehendak Pekeliling SKM Bilangan 1 Tahun 2009;
- (c) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) Buku-buku dan rekod-rekod perakaunan koperasi perlu disenggara dengan memuaskan dan kemaskini; dan
- (e) Daftar Syer Bonus hendaklah disenggara oleh koperasi.



6. Baki KWRS selepas penerbitan syer bonus hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada 75% jumlah modal syer dan yuran anggota. Ini bermakna koperasi hanya boleh menggunakan lebih daripada 75% untuk menerbit syer bonus. Contohnya, sekiranya amaun KWRS koperasi adalah 100% daripada modal syer dan yuran anggota, maka koperasi hanya boleh menggunakan lebih sebanyak 25% untuk menerbit syer bonus.

#### **KAEDAH PENERBITAN DAN PENGELUARAN SYER BONUS**

7. Koperasi yang menerbit dan mengeluarkan syer bonus di bawah perenggan 57(1B)(b) Akta Koperasi 1993 perlu memastikan:

- (a) syer bonus hanya dibayar kepada anggota yang namanya ada dalam daftar anggota pada tarikh pengisytiharan syer bonus; dan
- (b) syer bonus dibayar berasaskan kepada syer-syer yang dipegang oleh anggota pada masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus.

#### **KAEDAH PENEBUSAN SYER BONUS**

8. Penebusan syer bonus hendaklah dibuat melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus yang boleh diwujudkan daripada:

- (a) Akaun Rizab Modal hasil daripada jualan tanah dan bangunan sebagai aset tetap di bawah perenggan 55(1)(a); dan
- (b) keuntungan bersih teraudit tahun semasa.

9. Syer bonus yang ditebus boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus kepada anggota.

10. Syer bonus yang diterbit semula daripada syer bonus yang ditebus hendaklah berasaskan kepada syer-syer yang dipegang oleh anggota pada masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus.

#### **CATATAN PERAKAUNAN**

11. Perlakuan perakaunan (*accounting treatment*) berkenaan dengan penerbitan, pembayaran dan penerbitan semula syer bonus daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### **AM**

12. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam pekeling ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

#### **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

13. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, garis panduan dan pekeling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

14. Pekeling ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN)**

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **06 OCT 2011**

**“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”**



## LAMPIRAN 1

1. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus kepada anggota daripada KWRS ialah:

|         |          |            |    |    |
|---------|----------|------------|----|----|
| Debit : |          | KWRS       | xx |    |
|         | Kredit : | Syer Bonus |    | xx |

2. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi pembayaran syer bonus kepada anggota daripada KWRS ialah:

|         |          |                                       |    |    |
|---------|----------|---------------------------------------|----|----|
| Debit : |          | Syer Bonus                            | xx |    |
|         | Kredit : | Bank                                  |    | xx |
| Debit : |          | Kumpulan Wang<br>Penebusan Syer Bonus | xx |    |
|         | Kredit : | Syer Bonus Ditebus                    |    | xx |

3. Syer bonus yang ditebus oleh koperasi boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus kepada anggota-anggotanya. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus tersebut ialah:

|         |          |                    |    |    |
|---------|----------|--------------------|----|----|
| Debit : |          | Syer Bonus Ditebus | xx |    |
|         | Kredit : | Syer Bonus         |    | xx |